

29/07/1998

Bertegas menentang pelabur spekulatif

PENDEDAHAN Pengarah Urusan Bank of America (Hong Kong), Andrew Ferris menerusi wawancara dengan television CNBC mengenai gelagat dan muslihat pelabur antarabangsa yang menjalankan kegiatan manipulasi pasaran, membuktikan kebenaran wujudnya percubaan untuk menimbulkan masalah meruncing di sesebuah negara. Sebagaimana dijelaskannya, pelabur 'wang panas' yang menaja dari sebuah negara ke sebuah negara itu memang mahu melihat Malaysia tersepit dan benar-benar menderita, sebagaimana dilakukan di beberapa negara di Asia Timur. Matlamat mereka mahu melihat Malaysia turut kecundang dan akhirnya meminta bantuan daripada negara atau institusi yang mereka taja, seterusnya membolehkan mereka memandu segala dasar negara mengikut telunjuk mereka. Menerusi kuasa ekonomi, mereka percaya dapat menjajah sesebuah negara dan rakyatnya supaya mematuhi setiap syarat yang mereka tetapkan. Jika ini terjadi, kemerdekaan yang kita nikmati tidak ada maknanya lagi. Kita bersyukur kerana kerajaan dapat menghidu perangkap mereka.

Berasaskan kepada kenyataannya itu, kita percaya Ferris membuat pendedahan itu secara profesional dan jujur serta bebas daripada desakan mana-mana pihak. Kenyataan seperti ini, yang pertama kali dibuatnya itu, pastinya memeranjatkan ramai pelabur spekulatif yang mungkin selama ini beranggapan misi mereka kian hampir berjaya. Jika selepas ini ada pihak yang membidas Ferris kerana mempertahankan dasar ekonomi Malaysia, kita percaya ia tercetus daripada perasaan marah terhadap tindakan membongkar muslihat pelabur antarabangsa berkenaan. Bagi mereka, Ferris adalah gunting dalam lipatan. Bagi kita pula, Ferris menyuarakan kebenaran.

Kita beranggapan teguran Ferris itu mempunyai kekuatannya tersendiri kerana ia datangnya daripada seorang tokoh bank yang dihormati, berwibawa dan berpengalaman luas dalam hal ehwal ekonomi. Ferris tentunya tidak membuat kenyataan tanpa asas kerana sebarang kesilapan akan menjejaskan reputasinya. Kita percaya kenyataannya itu dibuat dengan penuh teliti setelah mengambil kira aspek 'yang benar, tetap benar'. Sudah tentu, beliau sedia menerima risikonya.

Jika kita mengambil kira pandangan Ferris dan kaitannya dengan keadaan negara hari ini, bermakna kegawatan ekonomi tidak ada relevan langsung dengan isu fundamental atau dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan ia berlaku kesan kelantangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Barat. Sebelum ini pun, Dr Mahathir begitu lantang memperjuangkan sesuatu isu tetapi pasaran mata wang dan saham tetap kukuh. Tetapi, disebabkan kegawatan ekonomi berpunca daripada percaturan 'tangan-tangan yang tersembunyi', Dr Mahathir dijadikan bahan sasaran.

Dr Mahathir sudah sering kali membidas tindakan pelabur spekulatif ini. Kebanyakan mereka hanya mendiamkan diri seolah-olah tidak mahu perkara ini diketengahkan mungkin kerana hendak lari daripada mendedahkan keburukan mereka sendiri. Disebabkan cuba mengelakkan diri daripada ditonjolkan secara terbuka, cara paling baik ialah dengan mencari helah untuk memburuk-burukkan Dr Mahathir, kononnya sebarang kenyataannya boleh menghilangkan keyakinan pelabur. Disebabkan kenyataan dibuat secara umum terhadap pelabur, maka ramai yang beranggapan Malaysia menolak pelabur asing.

Apa yang sering dijelaskan oleh Dr Mahathir ialah Malaysia sentiasa mengalu-alukan kehadiran pelabur ke negara ini tetapi mereka bukanlah dari jenis perniagaan spekulatif yang cuba membuat untung segera. Pelabur jenis

ini menggunakan pelbagai cara untuk memanipulasi pasaran. Setelah membuat untung besar, mereka meninggalkan negara ini. Dengan kuasa wang, mereka akhirnya meninggalkan rakyat tempatan yang terikut-ikut dengan rentak permainan mereka, mengalami kerugian.

Bagi pelabur jangka panjang, kehadiran mereka untuk mengadakan projek usaha sama, membuka perusahaan dan kilang, memang digalakkan, malah diberi pelbagai galakan. Dr Mahathir membangkitkan perkara yang sama di Swakopmund, Namibia kelmarin dengan mengingatkan negara membangun supaya tidak terlalu mudah menerima kemasukan pelabur asing kategori berkenaan di negara mereka. Oleh itu, setelah muslihat pelabur spekulatif kian terbongkar, kita berharap semua negara lebih berjaga-jaga dan tidak terlalu terikut-ikut dengan percaturan mereka. Jika Ferris mengatakan Malaysia sudah melakukan sebahagian besar langkah dengan tepat, kita tidak seharusnya berundur walaupun ada pihak tidak senang dengan tindakan itu.

(END)